

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 19.5.2015**

**SOALAN :**

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan per kapita sekolah rendah dan menengah yang telah dipotong dalam peruntukan 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited bagi memastikan murid di semua Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan mendapat akses pendidikan yang sempurna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bantuan Persekolahan berdasarkan Geran Per Kapita (PCG) kepada semua murid diberikan berdasarkan jumlah enrolmen murid pada setiap tahun di setiap sekolah. Bantuan PCG ini disalurkan terus kepada sekolah dan pada tahun 2015, tiada pemotongan peruntukan dibuat bagi bantuan ini.